

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

**USUL MENCADANGKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MENGINSTITUSIKAN DEMOKRAT MUDA SEBAGAI PLATFORM SUARA BELIA**

Bahawa dewan ini percaya belia sebagai tulang belakang negara perlu bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti, termasuk ekonomi, kepimpinan dan sosial di semua peringkat dalam menggerakkan agenda ke arah mencapai negara maju. Oleh hal yang demikian suara belia perlu didengar dan berada seiring dengan tampuk kepimpinan yang memperoleh legitimasi daripada rakyat agar mampu membentuk sebuah kerajaan yang kompeten dan seimbang.

Bahawa belia memerlukan saluran untuk menyuarakan pendapat pada tempat yang betul dan berkesan. Oleh itu, dengan langkah menginstitusikan demokrat muda ianya mampu memacu dan bergerak seiring dengan aspirasi kerajaan negeri dalam membantu tadbir urus yang baik di negeri Pulau Pinang. Selain itu, platform ini akan melahirkan ramai pemimpin muda yang berwibawa dan juga mewujudkan idea-idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif dalam merencana perancangan pembangunan negeri pulau pinang dari aspek rohani dan jasmani. Hal ini terjadi demikian kerana hanya mereka yang berada pada zaman tersebut lebih mudah untuk merasai dan mempelopori solusi yang berkesan.

Bahawa ini menunjukkan sifat keterbukaan kerajaan negeri dalam menerima pandangan dan idea dari golongan belia untuk di manifestasi secara bersama. Usaha ini secara tidak langsung mampu mengiktiraf peranan golongan belia dalam menghadapi pelbagai permasalahan dan cabaran bagi menyelesaikannya secara bersama. Oleh itu, suara belia akan membawa nafas baharu dalam tadbir urus negeri agar ianya kekal relevan dalam memastikan matlamat akhirnya sama iaitu kebajikan rakyat terjaga.

Bahawa kami memohon agar langkah ini dijalankan secara berterusan walaupun berlaku perubahan di peringkat kementerian. Usaha ini akan memberi impak baharu dalam pemerksaan belia bahawa kerajaan negeri menjadikan

demokrat muda sebagai satu institusi yang penting dalam mengangkat suara belia dan rakyat bagi menjamin korelasi yang seimbang dengan menghargai peranan dan sumbangan belia.

Bahawa bercadang pemilihan ahli demokrat muda perlu melalui pemilihan yang rigit serta mewakili kepelbagaian kaum dan etnik, turut tidak dinafikan hak orang kurang upaya untuk bersama melontarkan idea dan pendapat agar kriteria yang dipilih adalah mereka yang berkualiti dan mampu menjadi pemangkin insan di negeri Pulau Pinang khususnya.

Sekian, Terima Kasih.

Yang ikhlas,

Muhammad Azni Bin Kaharuddin

Ahli Sidang Muda 2016

